

29 JUL 1999

Mahathir-Ulama

SAYA TAK TOLAK ULAMA, KATA DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan dakwaan pembangkang kononnya beliau menolak golongan ulama tetapi sebaliknya mahu membezakan antara ulama tulen dan yang mendakwa diri mereka ulama tetapi sebenarnya mempunyai kepentingan politik.

"Kita tidak tolak alim ulama, hanya yang kita kata, yang mana satu alim ulama...Adalah tidak benar dan satu fitnah kalau kata saya tidak terima ulama," katanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta menjelaskan pendiriannya berhubung perkara itu pada majlis perjumpaan dan dialog dengan kakitangan kerajaan negeri dan persekutuan di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Beliau berkata bukan mudah untuk menjadi ulama dan bukan semua orang boleh diiktiraf sebagai ulama hanya kerana mereka memegang ijazah sarjana muda (B.A.) dalam bidang agama atau kerana menganggotai persatuan ulama.

"Nak jadi ulama bukan mudah, bukan semua orang kerana dia lulus B.A. sahaja boleh jadi ulama... itu yang saya kata, saya tak tolak ulama tetapi saya nak tahu yang mana satu (ulama sebenar)," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat menerima sesetengah orang yang menyertai sesuatu persatuan dikatakan ulama sedangkan syarahan mereka sebenarnya tidak berasas kepada pengetahuan agama.

Beliau berkata ulama sebenarnya adalah seseorang yang tidak mempunyai kepentingan lain selain daripada hanya ingin mentafsirkan agama sebenar-benarnya serta tidak memihak kepada sesiapa.

"Bila dia mula buat tafsiran mengikut kepentingan politik dan parti, masa itu saya hilang kepercayaan kepadanya.

"Orang macam Imam Bukhari, orang macam itu saya terima sebagai ulama...saya tak tolak," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat menerima semua orang yang mendakwa diri mereka ulama apatah lagi jika dengan mudahnya mengaku sebagai "pewaris nabi".

"Kita kena pilih orang yang boleh diterima sebagai ulama," katanya.

Katanya untuk mengiktiraf seseorang itu sebagai ulama, beliau perlu tahu sama ada dia layak atau tidak untuk digelar ulama kerana ulama adalah seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat.

"Kita terima ulama, bahkan (pendapat) mengatakan ulama adalah pewaris nabi juga saya terima tetapi bukan semua yang mendakwa diri mereka sebagai ulama (boleh diterima).

"Hanya ulama yang tidak ada memihak kepada sesiapa...hanyalah ingin menegakkan ajaran agama...saya terima, adalah tidak benar sama sekali bahkan menjadi satu fitnah kalau kata saya tidak (terima).. ini satu fitnah," katanya.

Perdana Menteri turut memberi contoh bahawa beliau tidak boleh menerima Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai ulama kerana Menteri Besar Kelantan itu mengatakan "tuhan juga mencarut" semata-mata kerana ingin mempertahankan ahli seumur hidup PAS, Prof Datuk Shahnun Ahmad yang mencarut dalam bukunya, "Shit".

Ditanya mengenai sikap sesetengah kakitangan kerajaan yang enggan melaksanakan dasar dan arahan kerajaan, Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan kepada ketua jabatan untuk memperingatkan petugas berkenaan mengenai tanggungjawab mereka sebagai kakitangan kerajaan seperti yang dijanjikan semasa menerima tugas dan jika ingatan itu tidak berkesan, mereka boleh mengambil tindakan tatatertib.

"Kalau tak ikut juga, tindakan tata tertib mesti diambil," kata beliau sambil menyifatkan kakitangan seperti itu sebagai mengkhianati janjinya kepada kerajaan.

Dr Mahathir berkata menjadi tugas dan tanggungjawab kakitangan kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan dalam usaha membangunkan negara.

"Apa akan jadi kepada negara ini kalau arahan kerajaan tidak dipatuhi oleh kakitangan kerajaan, sudah tentu kita tidak dapat membangunkan negara kita," katanya.

Soal pegangan dan sokongan (politik) adalah perkara yang berbeza tetapi selama mereka berada dalam kerajaan, mereka mesti menunaikan janji untuk mengikut serta melaksanakan dasar-dasar kerajaan, katanya.

"Kalau ada pendapat yang berbeza...(kita) tidak boleh kata apa-apa tetapi kerja dalam kerajaan, perlu penuhkan tanggungjawab (sebagai kakitangan kerajaan)," katanya.

Dr Mahathir berkata hak mengundi adalah soal lain, tetapi sebagai kakitangan kerajaan mereka perlu mengikut arahan untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini sebelum itu mengadakan pertemuan tertutup dengan anggota Badan Perhubungan Umno Negeri di bangunan yang sama.

-- BERNAMA

SN KHY MAI